

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 16 Julai 2021 14:56
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PENGLIBATAN ALUMNI RANCAKKAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2021 / 6 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: Shamsaimi Ezil

PENGLIBATAN ALUMNI RANCAKKAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI

UUM
Universiti Utara Malaysia

**MAJLIS PELANCARAN
ALUMNI MANAGEMENT
INFORMATION SYSTEM (AMIS)**

12.00 TENGGAHARI | 15 JULAI 2021

Dirasmikan oleh
Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Bin Haji Abdul Ghani
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia

AMIS **LIVE** Laman Facebook
Alumni Universiti Utara Malaysia

ALUMNI MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (AMIS)
IS A MEDIUM OF COMMUNICATION FOR ALUMNI AND UNIVERSITY

AMIS
SELAMAT DATANG ALUMNI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Medium perhubungan antara Alumni Universiti Utara Malaysia dengan Universiti

AMIS

UUM ONLINE: SINTOK – Penglibatan alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan secara sukarela kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) amat penting untuk mengekal dan merencanakan pembangunan institusi selaras dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dato' Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, langkah Pusat Alumni UUM yang membangunkan sistem Alumni Management Information System atau AMIS ini sangat tepat pada masanya sebagai satu usaha yang menyokong pemerkasaan teknologi maklumat dalam pengurusan universiti.

“Sistem ini diharap dapat dijadikan sebagai platform untuk pengemaskinian data 146,810 alumni UUM supaya lebih teratur dan efisien,” ujar beliau ketika melancarkan AMIS secara dalam talian tengah hari tadi.

Katanya sehingga Februari 2021 hampir 4,000 alumni telah mengemas kini maklumat kerjaya mereka melalui sistem ini dan berharap bilangannya akan terus bertambah sekali gus dapat membantu pihak universiti membangunkan pelbagai strategi yang dapat dimanfaatkan oleh pihak alumni, pelajar serta UUM, khususnya.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir menambah perkongsian pengalaman mereka juga diharap dapat membantu pelajar di kampus dan sumbangan dalam bentuk kewangan dan lain-lain pastinya dapat melestarikan pembangunan universiti ini kelak.

Pengurusan UUM berharap alumni yang berjaya ini juga akan menjadi ikon atau tonggak dalam inspirasi dikalangan pelajar universiti ini kerana ramai yang telah mencipta nama dan kejayaan baik dalam bidang keusahawanan, kerjaya atau memegang jawatan dalam pelbagai sektor kerajaan, swasta, pertubuhan termasuk mereka yang telah menempa nama sebagai selebriti dan sebagainya.

Alumni sebeginilah yang menjadi tokoh teladan yang berkesan dan mudah diterima oleh pelajar di universiti untuk membantu mereka secara tidak langsung agar prestasi UUM sentiasa melangkah ke hadapan termasuk memperbaiki kedudukannya pada peringkat yang tinggi di Asia mahupun di dunia.

Dalam pada itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali yakin dalam tempoh tiga tahun nanti pastinya pencapaian serta impak AMIS ini dapat dilihat dalam peningkatan keterlibatan alumni dalam program penglibatan sosial, sumbangan berbentuk kewangan, membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar, peningkatan wakaf serta endowmen universiti yang dapat membantu meningkatkan kadar permohonan untuk program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan.

“Untuk mencapai objektif AMIS ini diharap alumni dapat memberi sokongan dengan penyertaan mereka agar bersama-sama universiti ini untuk melonjakkan ke status Universiti Pengurusan Terkemuka di dunia nanti,” katanya lagi.

Pelancaran AMIS oleh Naib Canselor UUM ketika negara dilanda wabak COVID-19 ini diharap dapat memantapkan lagi usaha untuk membangunkan universiti dalam pelbagai aspek untuk bersaing dengan lebih baik di persada dunia.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.